KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	20.04.22	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	PERHILITAN			

Siasat 'tangan ghaib' jual tanah lapangan terbang di Seri Iskandar, Perak

SHAH ALAM - Pihak ketiga yang membenarkan penjualan tanah lapangan terbang di Seri Iskandar, Perak bagi dijadikan projek pembangunan bercampur harus disiasat sepenuhnya.

Tanah yang dianggarkan melebihi 180 hektar di Perak Tengah itu sebelum ini mahu dibangunkan sebagai lapangan terbang antarabangsa apabila Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah di Ipoh sudah tidak boleh dibesarkan lagi.

Namun hasrat membina lapangan terbang antarabangsa yang baharu itu seakan 'lenyap' apabila tanah milik Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) itu dijual bagi tujuan projek pembangunan bercampur termasuk pembinaan kilang dan projek perumahan mewah. Siapakah individu atau pihak terlibat yang telah meluluskan penjualan tersebut?

Pensyarah Undang-Undang dan Perlembagaan dan Koordinator Kursus Undang-Undang Perlembagaan dan Perbandingan Perlembagaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Profesor Madya Dr Khairil Azmin Mokhtar berkata, isu tanah tersebut perlu disiasat sepenuhnya bagi mengetahui siapakah pihak terlibat.



KHAIRIL AZMIN



NURUL ASHIKIN

Atas sebab itu katanya, segala dokumen sah berhubung proses penjualan perlu dikumpulkan bagi mengetahui siapakah 'dalangnya'.

"Perlu ada dokumen yang berkaitan, maka baru jelas siapa atau institusi manakah yang telah membuat keputusan penjualan tanah lapangan terbang di Seri Iskandar itu.

"Malah dengan adanya dokumen lengkap berhubung transaksi penjualan tersebut, maka kita akan mengetahui bilakah proses penjualan itu dibuat," katanya kepada *Sinar Harian*.

Mengulas lanjut, Khairil berkata, status tanah lapangan terbang tersebut juga perlu dipastikan siapakah pemilik sebenar ketika penjualan itu dilakukan.

Menurutnya, suatu perkara penting bagi mengetahui status tanah kerana ia bakal memberi petunjuk siapakah yang bertanggungjawab meluluskan penjualan.

Selain itu, katanya, pentadbiran tanah dan perkara berkenaannya adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

"Maka sebab itulah siasatan perlu dijalankan bagi dapatkan maklumat dan dokumen yang berkenaan," katanya.

Sementara itu, Ketua Pejuanita Muda Malaysia Parti Pejuang Tanahair (Pejuang), Dr Nurul Ashikin Mabahwi berkata, satu siasatan secara telus dan terperinci perlu dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap isu penjualan tanah terbabit.

Katanya, SPRM yang diberi tanggungjawab penuh mengendalikan dan menyiasat kes tersebut perlu melakukan siasatan penuh secara telus biarpun bakal melibatkan pihak-pihak berkepentingan di dalam kerajaan.

Menurutnya, selain siasatan secara menyeluruh, keputusan kes penjualan tanah lapangan terbang itu juga perlu didedahkan kepada umum.

"Banyak kes sebelum ini yang melibatkan siasatan demi siasatan daripada pihak berkuasa tetapi akhirnya 'sejuk' begitu sahaja.

"Sehubungan itu, Pejuang sangat berharap satu siasatan telus dapat dilakukan berhubung kes penjualan tanah lapangan terbang di Seri Iskandar, seterusnya hasil siasatan penuh diumum dan dikongsikan dengan orang ramai," katanya.